

# Kedai akuarium diberi amaran tidak jual ikan dilarang import

UM 17/10/24 M/S 32

**SEREMBAN:** Pengusaha kedai akuarium di negeri ini dinasihat untuk tidak memiliki dan menjual spesies ikan-ikan dilarang import yang memberi risiko mengganggu ekosistem sungai.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe berkata, pihaknya akan sentiasa menjalankan pemantauan dan pemeriksaan terhadap kedai-kedai akuarium yang menjual ikan hiasan bagi memastikan larangan tersebut dipatuhi.

"Pemeriksaan tersebut merupakan rutin dan kami akan mem-

berikan taklimat kepada mereka. Jika semasa pemeriksaan berkenaan kami dapatkan mereka menjual ikan-ikan larangan import kepada orang awam, amaran terlebih dahulu diberikan.

"Seterusnya kami akan memberikan tempoh masa dan selepas itu apabila pemeriksaan seterusnya dan kami dapatkan pengusaha masih memiliki ikan-ikan tersebut, kami akan menyitanya," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Antara spesies ikan larangan import yang disenaraikan

di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Import Ikan) 1990 Pindaan 2011, Akta Perikanan 1985 termasuk Flower Horn, Aligator Gar, Pacu dan Arapaima.

"Ikan-ikan yang tersenarai ini dikhuatiri boleh mengganggu ekosistem sungai kerana ikan ini bersifat agresif, cepat membiak dan membawa penyakit malah memakan ikan-ikan asli tempatan sekiranya terlepas ke perairan sungai sekali gus mengakibatkan ikan tempatan berkurangan," katanya lagi.



**KAKITANGAN** Cawangan Konservasi dan Perlindungan Perikanan, Pejabat Perikanan Negeri Sembilan menjalankan pemantauan dan pemeriksaan terhadap premis kedai akuarium di sekitar Port Dickson, Negeri Sembilan baru-baru ini.